

10/05/2000

Dr M ajak hayati sejarah, falsafah perjuangan Umno

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad
KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu ahli Umno kembali menghayati perjuangan asal parti itu yang mengutamakan kepentingan bangsa, agama dan negara.

Presiden Umno berkata, kegagalan ahli memahami sejarah dan falsafah perjuangan parti boleh menyebabkan mereka menyimpang jauh daripada landasan perjuangan sebenar, sekaligus menghakis kepercayaan rakyat.

Katanya, keadaan itu memaksa beliau sentiasa mengingatkan ahli parti yang sebahagian besar agak baru dan kurang memahami erti perjuangan sebenar.

"Mereka sebenarnya tidak begitu mengetahui sejarah dan falsafah perjuangan Umno kerana ramai agak baru. Kalau mereka tahu pun, tak mencukupi dengan itu, saya cuba menjelaskan semula.

"Nampaknya kerana seolah-olah mereka tidak berapa mengetahui, mereka tidak mematuhi asas perjuangan Umno terutama berkaitan memperjuangkan nasib bangsa, agama dan rakyat," katanya pada sidang akhbar selepas majlis Taklimat Presiden sempena Perhimpunan Agung Umno di sini, hari ini.

Dr Mahathir ditanya apakah perjuangan ahli Umno kini jauh menyimpang daripada perjuangan sebenar ketika parti itu menentang penubuhan Malayan Union dan seterusnya memperjuangkan kemerdekaan negara kerana beliau sering memberi peringatan yang sama kepada ahli parti.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut meminta ahli Umno menjadikan penolakan rakyat Taiwan dan India terhadap parti yang bertanggungjawab memperjuangkan kemerdekaan dan membangunkan bangsa mereka, sebagai iktibar.

Beliau berkata, ahli Umno perlu belajar daripada pengalaman parti lain yang sama seperti Umno untuk mengelakkan nasib yang menimpa Parti Kuomintang dan Parti Kongres India itu tidak menimpa Umno.

Katanya, rakyat menolak parti berkenaan kerana ahli parti itu tidak lagi berpegang kepada perjuangan asal masing-masing, sebaliknya lebih menumpukan kepentingan peribadi.

"Kita perlu belajar daripada pengalaman orang lain dan sudah tentu daripada pengalaman parti yang sama dengan kita, iaitu parti yang memperjuangkan kemerdekaan bangsa tertentu.

"Apa yang berlaku pada mereka mempunyai banyak pengajaran kepada kita, sebab itu saya cerita sedikit sebanyak kepada ahli apa yang berlaku terhadap parti berkenaan supaya kita boleh mempelajari dari mereka dan apa yang berlaku kepada mereka tidak berlaku kepada kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau akan terus mengingatkan ahli Umno mengenai perjuangan sebenar parti sehingga mereka sedar dan kembali kepada perjuangan asal.

"Sehingga mereka bangun, ada yang jaga sekejap, tertidur balik dan kita gerak (kejut) balik. Insya-Allah, satu hari dia sedar...kita nampak kesannya. La ni (sekarang) dia celik sikit, tapi kadang-kadang dia nampak mamun (antara jaga dan tidur) lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata, sikap sebilangan ahli parti yang mementingkan diri bukan masalah Umno saja kerana orang Melayu sebenarnya sudah berubah sikap akibat keadaan hidup masa kini yang lebih bebas.

"Sikap ini bukan terhad kepada orang Umno...budaya orang Melayu sendiri sudah bertukar...di antara mereka yang menjadi ahli Umno membawa budaya yang sama dan mereka yang di luar Umno juga mempunyai budaya yang sama," katanya.

Berdasarkan hakikat itu juga, Perdana Menteri mahukan ahli Umno kembali kepada imej parti sewaktu ditubuhkan 54 tahun lalu berikutan imej parti itu kini agak terjejas kerana ramai ahlinya sibuk merebut jawatan dalam parti.

"Imej Umno sekarang memang agak terjejas sikit. Kalau dulu, mereka (ahli Umno) tidak utamakan kedudukan diri, bahkan ada di antara mereka yang biasa menolak jawatan kerana fikir mereka tidak layak.

"Nampaknya, sekarang ini walaupun ada juga beberapa orang yang tarik diri daripada bertanding, ramai yang nak bertanding juga," katanya.

Bagaimanapun, katanya, ini tidak bermakna calon tidak layak untuk bertanding tetapi pertandingan hendaklah dibuat secara sopan tanpa sebarang permainan kotor.

Ditanya sama ada Umno cuba memaparkan imej Islam melalui pentas perhimpunan yang dihias dengan bentuk kubah masjid, Dr Mahathir berkata: "Jangan kita pegang sangat kepada imej ini. Banyak orang lebih utamakan imej Islam daripada mengamalkan ajarannya."

Beliau berkata, bentuk kubah yang dipasang di pentas perhimpunan itu adalah sebagai simbol kepada negara Islam seperti Malaysia dan bukannya untuk bertanding dengan Pas.

Katanya, tanda keIslaman bukannya kepada cara berpakaian tetapi lebih kepada persaudaraan antara ummah.

"Tanda keIslaman ialah berpegang kepada nilai-nilainya dan yang paling utama ialah persaudaraan antara umat serta tidak mengkafirkan orang Islam lain. Itu lebih penting dari berjubah atau pakai kopiah putih," katanya.

(END)